

30/06/2001

NGO diminta bantu usaha Pemadam

KOTA BHARU, Jumaat - Masyarakat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) disaran bergerak seiring dengan usaha kerajaan untuk membebaskan negara daripada ancaman dadah menjelang 2015.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Persatuan Mencegah Dadah Kebangsaan (Pemadam) adalah antara badan sukarela yang aktif menjalankan pelbagai program pencegahan.

"Agenda negara kita memerangi dadah dan seterusnya menjayakan Malaysia mencapai taraf bebas daripada dadah menjelang 2015 adalah tanggungjawab penting.

"Oleh itu, kerajaan menyokong fungsi Pemadam sebagai pertubuhan yang menggembeng tenaga ramai dan sukarela untuk membanteras penyalahgunaan dadah," katanya dalam buku cenderamata sempena Perhimpunan Agung Tahunan Pemadam Kebangsaan ke-26 di Balai Islam Lundang, di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Penaung Pemadam Kebangsaan berkata, perhimpunan itu turut membuka peluang kepada ahlinya membuat penilaian dan tafsiran terhadap keupayaan masing-masing sebagai tenaga sukarela yang menggerakkan pertubuhan itu.

(END)